

IGB Corp, Distinctive majukan Medini RM2 bilion

Distinctive Group dan IGB Corporation Bhd (IGB Corp) akan memajukan kawasan seluas 7.3 hektar di Zon A, Medini di Iskandar Malaysia dengan projek pembangunan komersial bersepadu bernilai kira-kira RM2 bilion.

Bagi tujuan itu, Megan Prestasi Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh IGB Corp semalam memeterai perjanjian dengan Pengerusi Eksekutif Distinctive Group, Datuk Dr David Koh bagi membeli kepentingan kawalan dalam Distinctive Ace Sdn Bhd.

Komponen utama projek pembangunan itu antara lain termasuk ruang peruncitan, pejabat, apartmen servis serta hotel.

Koh, pada majlis memeterai perjanjian itu semalam berkata, pihaknya berbesar hati bekerjasama dengan IGB Group bagi pembangunan yang menarik di Medini memandangkan ia adalah satu pakatan strategik bagi kedua-dua pihak.

“Bagi Distinctive Group, ini akan menjadi penyertaan ketiga kumpulan ke dalam pasaran hartanah Johor, selepas yang pertama membabitkan projek 1Tebrau di pusat bandar Johor Bahru serta Iskandar Residences yang juga terletak di Medini.



Dr David Koh

Tingkat nilai projek

“Pakatan strategik dengan IGB ini akan meningkatkan nilai projek itu kerana mereka akan membawa kepakaran dalam pembangunan projek dengan menjadi pemaju Mid Valley City serta pelbagai projek hebat lain di samping jenamanya dalam bidang perhotelan dan peruncitan,” katanya.

Koh berkata, Medini di Nusajaya yang terletak dalam Iskandar Malaysia telah menjadi kawasan tumpuan hartanah di rantau ini.

Katanya, kedudukan projek itu yang berhampiran dengan Legoland, EduCity, Pine-wood Studio, Gleneagles Hospital serta Khazanah dan Temasek Wellness Centre antara lain menyediakan tarikan yang sempurna bagi pembangunannya.

“Cadangan pusat hentian rel kelajuan tinggi di Nusajaya serta Rapid Link Transit Malaysia-Singapura akan terus mengukuhkan Nusajaya sebagai lokasi hartanah pilihan,” katanya.